

Konflik tanpa noktah

» Ratusan ribu nyawa terkorban angkara Zionis

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Konflik Palestin-Israel bukanlah satu konflik yang baharu kerana ia sudah lama berlarutan tanpa ada sebarang perjanjian damai termerai.

Walaupun dunia sudah lama mengutuk serangan tidak berperikemanusiaan Israel, mereka kebal dan masih berterusan melancarkan serangan ke atas penduduk Palestin di Tebing Barat.

Pada dasarnya, konflik kini adalah pertikaian antara dua kumpulan menge-

nai tuntutan kawasan tanah yang sama. Banyak percubaan dibuat untuk membantu mencipta satu penyelesaian membabitkan kewujudan sebuah negara Palestin merdeka di samping Israel.

Palestin terus ditekan

Tetapi semua ini ibarat bermain tarik tali dan inilah yang terjadi apabila setiap kali perbincangan dijalankan, Israel hanya mematumhinya sementara saja sebelum mencari alasan baharu untuk terus menyerang Palestin.

Ini menyebabkan ratusan ribu penduduk Palestin, kebanyakannya kanak-kanak dan wanita terkorban, jutaan

penduduk menjadi pelarian.

Ramai beranggapan Israel dan Yahudi adalah perancang utama dalam hal ini, tanpa mengetahui sejarah awal Palestin yang mula dijajah kuasa besar dunia lain seperti British dan Amerika Syarikat.

Malah pemahaman mengenai Israel, Yahudi dan Zionis juga kini banyak yang terkeliru, ramai meletakkan Yahudi dan Zionis adalah sama, walaupun hakikatnya pencerobohan dan serangan yang berlaku di Palestin didalangi Zionis.

Siapa Zionis ini sebenarnya dan bagaimana Palestin boleh terbabit dan menjadi mangsa dalam peperangan yang berlarutan berpuluh tahun ini?

KRONOLOGI KEDATANGAN YAHUDI KE PALESTIN

1882
-1904

Gelombang pertama penghijrahan pendatang haram Yahudi dari Eropah ke Palestin.

1897


Kongres Zionis pertama bertemu di Basel, Switzerland. Kongres itu dilancar untuk menempatkan lebih ramai Yahudi di bumi Palestin. Pada kongres sama, Organisasi Zionis Sedunia (World Zionist Organization) ditubuhkan.

1904-14

Gelombang penghijrahan kedua pendatang haram Yahudi.

1917

Pada 2 November, Menteri Luar England, Lord Arthur James Balfour, mengutus surat (yang kemudiannya dikenali sebagai Deklarasi Balfour) kepada Lord Edmund de Rothschild bagi menyokong usaha penubuhan negara Yahudi di bumi Palestin.



1918

Pada 9 Disember, Tentera British mula menjajah Palestin.

1920

Pada 24 April, Persidangan San Remo memberi kuasa kepada England ke atas Palestin.

1936-39

Rakyat Palestin cuba bangkit bagi menentang penjajahan ini.

1947

Pada 29 November, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), melalui Jawatankuasa Khas mengenai Palestin mencadangkan supaya negara Palestin dipecahkan menjadi dua negara, sebahagian bagi rakyat berketurunan Arab Palestin dan sebahagian

lagi bagi pendatang haram Yahudi (Resolusi 181 perhimpunan agung PBB). Baitulmaqdis (Al-Quds atau Jerusalem) dan daerah di sekitarnya dijadikan kawasan antarabangsa, tanpa berbincang terlebih dulu dengan pihak Palestin.

50km
30 batu

Teluk
Aqaba



Tanah
Yahudi



Tanah
Palestin

50km
30 batu

Teluk
Aqaba



Negara
Yahudi



Negara
Arab

1948

Pada 9 April, gerakan pengganas bawah tanah Yahudi dikenali sebagai kumpulan Irgun dan Stern Gang melakukan pembunuhan kejam beramai-ramai ke atas 254 rakyat Palestin di perkampungan Deir Yassin berdekatan Baitulmaqdis.

Pada 14 Mei pula, mandat England ke atas Palestin berakhir secara rasminya. Yahudi Zionis serta-merta mengisytiharkan penubuhan negara Israel. Amerika Syarikat menawarkan hubungan diplomatik penuh bagi mengiktiraf negara haram Israel.

1947

Pada penghujung tahun 1948, Israel meluaskan penjajahannya ke atas 78 peratus daripada tanah Palestin. Akibat rampasan itu, lebih 750,000 orang Palestin menjadi pelarian dan hidup dalam keadaan yang sangat daif, walhal sebelum tahun 1947, Yahudi hanya berjaya memiliki tujuh peratus tanah Palestin.

Yahudi, Zionis dan Israel

B/H
10/8/14 MSA

⊙ **Tidak semua** Bani Israel berfahaman Yahudi, ada Bani Israel beragama Islam dan Kristian. Munculnya Theoder Herzl's seorang Yahudi berbangsa Hungary telah mengumpulkan orang Israel dari seluruh dunia membawa idea penubuhan Israel Raya.

⊙ **Zionis adalah** gerakan yang dipelopori Moses Hess pada abad ke-19 dan diperkuatkan lagi oleh Theoder Herzl's. Zionis adalah gerakan politik orang Yahudi yang menyokong penubuhan semula 'tanah yang dijanjikan' untuk bangsa Yahudi di Palestin.

⊙ **Zionis telah** menubuhkan negara haram Israel sejak pencerobohan pada tahun 1948 bermakna sudah 66 tahun menjajah bumi Palestin dengan memasukkan bangsa Yahudi melalui beberapa perjanjian yang dicapai seperti Perjanjian Oslo 1 (1992) dan Perjanjian Oslo 2 (1995).

Palestin dibahagi dua

Gaza

⊙ **Dikenali** sebagai Semenanjung Gaza adalah sebuah daerah kecil di sebelah barat daya Israel. Sebahagian besar daerah ini dikawal Pihak Berkuasa Palestin. Namun sejak Jun 2007, kawasan ini dikuasai oleh Hamas.

Tebing Barat

⊙ **Sebuah** daerah tanpa pantai di Asia Barat merangkumi kawasan di barat Sungai Jordan yang dikuasai Jordan di akhir perang Arab-Israel pada 1948. Kemudian pada tahun 1967, ia ditawan oleh Israel pada Perang Enam Hari.

Di sinilah letaknya bandar Baitulmaqdis, tempat letaknya Al Haram Al Sharif yang menjadi punca utama pertelingkahan orang Islam dan Yahudi.

1967

LUBNAN

SYRIA

Laut Mediterranean

Lake Tiberias

Tel Aviv

Tebing Barat (ke Jordan)

Baitulmaqdis

Laut Mati

SEMENANJUNG GAZA (ke Mesir)

ISRAEL

JORDAN

2011

LUBNAN

SYRIA

Laut Mediterranean

Bukit Golan

Tasik Tiberias

Tel Aviv

Tebing Barat

Baitulmaqdis

Laut Mati

SEMENANJUNG GAZA

ISRAEL

JORDAN

Yasser Arafat dari puak Al-Fatah terpilih sebagai Ketua Eksekutif PLO dengan berpangkalan di Jordan.



1969

Pada 6 Oktober, Mesir dan Syria menyerang pasukan Israel di Sinai dan dataran tinggi Golan dan pertempuran ini dikenali sebagai Perang Oktober.

Mesir dan Syria hampir menang, jika Israel tidak mendapat bantuan Amerika Syarikat pada saat-saat akhir. Presiden Mesir Anwar Sadat terpaksa berkompromi, kerana mereka hanya bersedia untuk melawan Israel, tanpa bantuan Amerika Syarikat.

Negara-negara Arab membalas kekalahan itu dengan menutup telaga-telaga minyak dan tidak menyalurkannya ke Eropah. Akibatnya, berlaku krisis harga minyak dan menggugat ekonomi dunia.

1973

Syria

Mesir



serang



Israel

campur tangan



Amerika
Syarikat

PBB

Pada 22 Oktober, Dewan Keamanan PBB sekali lagi mengeluarkan resolusi Nombor 338, untuk gencatan senjata, pelaksanaan resolusi Nombor 242 dan perundingan damai di Asia Barat.

Israel secara diktator menyatakan bahawa mulai musim panas pada tahun 1980, kota Baitulmaqdis yang didudukinya itu, secara rasmi sebagai ibu kota.

1980

MESIR

50km
30 batu

Teluk
Aqaba



MESIR
(Sinai)

50km
30 batu

Teluk
Aqaba

Jajahan
Israel
Wilayah
Palestin

1964

Pemimpin Arab bersetuju membentuk Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO). Dengan ini, secara rasmi nasib Palestin diserahkan kepada rakyat Palestin sendiri.



1967

Pada 5 Jun, Israel melancarkan serangan ke atas beberapa negara Arab. Peperangan ini dikenali sebagai Perang Enam Hari. Israel mendapat bantuan kewangan dan persenjataan dari Amerika Syarikat.

Pada peperangan itu, Israel menawan Timur Baitulmaqdis, Tebing Barat dan Gaza. Akibatnya lebih 500,000 lagi

rakyat Palestin dihalau dari kampung halaman mereka. Dewan Keamanan PBB mengeluarkan Resolusi Nombor 242, untuk perintah penarikan Israel dari wilayah yang direbutnya dalam Perang Enam Hari, pengakuan semua negara di kawasan itu, dan penyelesaian secara adil masalah Palestin.

1982

Pemerintahan Ariel Sharon melakukan pembunuhan beramai-ramai secara kejam ke atas lebih 2,750 rakyat Palestin di khemah-khemah pelarian Sabra dan Shatila. Apa yang mengejutkan dunia adalah ketua tentera Yahudi-Zionis pada masa itu tidak diambil tindakan oleh mahkamah Antarabangsa termasuk Ariel Sharon.

2,750

pelarian Palestin
dibunuh kejam
tanpa pembelaan
di Sabra dan Shatila.

78%

Israel
menguasai
tanah
Palestin